

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 15 OKTOBER 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 21**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1412-L01478  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil lawatan rasmi beliau dan rombongan ke Negara Republik Rakyat China, perkara-perkara yang dibincangkan dan dipersetujui dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan hubungan dua hala dari segi perdagangan dan kerjasama ekonomi.
  
2. PR-1412-L01572  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berdasarkan trend kes-kes tekanan jiwa/mental yang semakin meningkat pada masa kini, apakah peranan dan tindakan serta program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor di dalam menghadapi perkara ini..
  
3. PR-1412-L01616  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah benar Aliran Tunai (Cash Flow) FELDA hampir kosong. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk memastikan nasib peneroka-peneroka FELDA terbela.

4. PR-1412-L01971  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pengurangan hasil pendapatan Kerajaan apabila GST dihapuskan dan apakah strategi Kerajaan untuk menampung semula kekurangan hasil pendapatan tersebut.
5. PR-1412-L02465  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Pusat akan memperkenalkan insentif-insentif cukai bagi pemaju-pemaju kawasan perindustrian bagi merencanakan semula pembangunan ekonomi dan kemasukan pelaburan baru.
6. PR-1412-L01791  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan dasar dan inisiatif serta prospek bagi membangunkan usahawan Bumiputera.
7. PR-1412-L02033  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memastikan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mempunyai dana yang mencukupi untuk terus memberi perkhidmatan terbaik terutama kepada golongan miskin bandar di Lembah Pantai dan sekitarnya.
8. PR-1412-L02011  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Malaysia masih lagi mengetuai inisiatif bersama negara-negara pengeluar lain kelapa sawit dunia dalam mengetengahkan kemampanan dalam pengeluaran produk sawit dan mengatasi persepsi negatif yang wujud terhadap industri ini.
9. PR-1412-L02239  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah definisi 'pekerja mahir' dalam penentuan levi RM10,000 terhadap pekerja mahir yang telah bekerja 10 tahun atau lebih di Malaysia, dan apakah sebab dan implikasi dasar ini terhadap ekonomi dan sumber manusia negara.
10. PR-1412-L01661  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah kerelevanan langkah yang dicadangkan pihak Kementerian yang ingin mengurangkan bantuan dan geran percuma kepada para usahawan di negara ini.

11. PR-1412-L02168  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kementerian berhasrat untuk membentangkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) kepada Dewan Rakyat supaya dapat dibahaskan dengan lebih lanjut.
12. PR-1412-L02664  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengambil kira kos masa hadapan susulan keputusan penangguhan pembinaan projek kereta api laju (HSR) Malaysia-Singapura sehingga tahun 2020 serta berapakah jangkaan kos pembinaan tersebut selepas mengambil kira faktor inflasi pada tahun 2020.
13. PR-1412-L02357  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah konflik perdagangan di antara United States of America dan China akan memberikan manfaat ke atas jualan minyak sawit Malaysia ke China.
14. PR-1412-L01422  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci statistik tangkapan Ops Mega 3.0 yang dilancarkan sejak Julai lalu.
15. PR-1412-L01984  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah pentadbiran dan perundangan yang telah dijalankan dan dirancang untuk mengelakkan syarikat-syarikat GLC daripada melanggar Malaysian Code of Corporate Governance seperti kelewatan menfail penyata kewangan untuk beberapa tahun seperti PFI Sdn. Bhd. dan syarikat 1MDB Sdn. Bhd., National Feedlot Corp, Felda yang terjerumus dalam skandal kewangan.
16. PR-1412-L01502  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) apakah rasional atau justifikasi Kementerian membuat keputusan menutup sebanyak 33 buah Klinik 1Malaysia ; dan
  - (b) apakah kemudahan tambahan yang disediakan setelah klinik 1Malaysia dijenamakan sebagai Klinik Komuniti.

17. PR-1412-L01607  
**Dato' Seri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan Kementerian untuk memastikan semua pelajar yang mendapat CGPA 3.8 ke atas untuk diberikan penempatan secara automatik ke program matrikulasi; dan
  - (b) statistik jumlah pengambilan bagi tahun 2018 dan 2019 berserta pecahan yang TIDAK BERJAYA mengikut kawasan dan kaum serta jantina.
18. PR-1412-L02539  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status tawaran Kerajaan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi pinjaman RM 1 bilion bagi membaiki sekolah daif di Sarawak..
19. PR-1412-L02769  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah proaktif Kementerian dalam membanteras kegiatan penipuan online (*scammer*).
20. PR-1412-L02726  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan Persekutuan masih akan membayar 20% royalti minyak (*cash payment*) menurut Petroleum Development Act 1974 berdasarkan pengeluaran kasar (*gross production*) atau tidak. sekiranya tidak, apakah bayaran alternatifnya ; dan
  - (b) bilakah bayaran 20% royalti (*cash payment*) atau alternatifnya akan bermula dibayar kepada negeri-negeri pengeluar minyak. Bilakah Kerajaan akan mematuhi Item 3 Bahagian v Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan dan membayar cukai ekspot ke atas petroleum mengganti royalti minyak sehingga berjumlah besar 10% nilai *ad valorem*.

21. PR-1412-L01508  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), berapakah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi membatalkan projek berkenaan dan sejauh mana Kerajaan telah menjalankan penilaian impak sosial kesan pembatalan projek berkenaan kepada penduduk Pantai Timur.
22. PR-1412-L01998  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh mana hasil kajian sudah dijalankan berkaitan pembayaran royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak di negara ini. Apakah kaedah dan mekanisme kajian dijalankan dan adakah pandangan daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan negeri terlibat diambil kira.
23. PR-1412-L02674  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-  
(a) sama ada satu kajian sosioekonomi akan dijalankan mengenai kilang Lynas di Kuantan; dan  
(b) sekiranya ya, adakah Menteri akan menerbitkan kajian tersebut.
24. PR-1412-L01911  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji secara menyeluruh mengenai pelanggaran ataupun ketidakpatuhan Perlembagaan berhubung dengan hak-hak Sarawak dan Sabah.
25. PR-1412-L02462  
**Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan pembinaan rumah mampu milik di Sabah. Bagaimana Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan negeri dalam pembinaan rumah mampu milik di Sabah.
26. PR-1412-L02027  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina Jalan Nanga Mujong ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sungai Gaat, Kapit.

27. PR-1412-L02647  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah untuk menarik pelaburan asing di Sarawak terutamanya di Sibu kerana Sibu amat kekurangan pelaburan asing dan mengakibatkan kekurangan pembangunan.
28. PR-1412-L01761  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) senarai penuh Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat 1MDB sekarang, termasuk syarikat-syarikat subsidiarinya; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memulakan penggulangan syarikat 1MDB sekali gus ia ditadbir oleh Jabatan Insolvensi.
29. PR-1412-L01708  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah hutang oleh syarikat-syarikat berikut yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan :-
- (a) hutang sejumlah RM2,600,000,000 oleh Johor Corporation; dan
  - (b) hutang sejumlah RM530,146,652.81 oleh Penerbangan Malaysia Bhd.
30. PR-1412-L02578  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (EAIC) dan bagaimanakah penerimaan warga polis terhadap IPCMC yang pada satu ketika ditentang hebat dan dibantah oleh mereka pada tahun 2006.
31. PR-1412-L02299  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk memperbaiki prosedur penahanan reman yang melibatkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti yang berlaku dalam kes penghidap autisme, Ahmad Ziqri baru-baru ini.

32. PR-1412-L02780  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan kerja-kerja pembesaran jalan raya bermula dari Bandar Baru ke Kulim dan seterusnya ke Padang Serai kerana langkah tersebut dapat mengatasi masalah kesesakan yang sering berlaku di lebuhraya Tol Juru.
33. PR-1412-L01881  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bon atau sukuk yang telah diterbitkan untuk membiayai keperluan perbelanjaan Kerajaan pada tahun 2018.
34. PR-1412-L01831  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian melantik orang-orang untuk menerajui syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dalam negara ini, seperti kriteria untuk kelayakan dan adakah lantikan politik masih dibenarkan.
35. PR-1412-L01788  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar dakwaan pihak Kerajaan bahawa pendakwah terkenal, Dr. Zakir Naik sering merendahkan agama lain.
36. PR-1412-L01823  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan yang akan berlaku jika potongan insurans nyawa dan KWSP bagi pelepasan cukai individu dinaikkan daripada RM6,000 ke RM10,000.
37. PR-1412-L02497  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-
- (a) status terkini siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes penyalahgunaan dana RM300 juta oleh Ketua Eksekutif (CEO) dan beberapa ahli lembaga pengarah Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF); dan
  - (b) justifikasi penamatan perkhidmatan Ketua Eksekutif apabila siasatan masih belum selesai.

38. PR-1412-L02576  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan dasar terbaru Kementerian ini terhadap pengeluaran buah sawit dan minyak sawit di Malaysia. Mengapa harga belian buah sawit dan minyak sawit di negara kita ini adalah ditahap yang sungguh rendah sekarang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil sawit buat masa sekarang.
39. PR-1412-L02583  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menggubal undang-undang baru seperti akta "*Freedom of Speech*" dan akta "*Freedom of Information*" agar rakyat tidak takut disaman fitnah oleh Kerajaan yang berkonsep ketelusan.
40. PR-1412-L02288  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah hasil lawatan yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri dan rombongannya ke Negara China dalam memberi impak positif terhadap harga sawit dan getah asli yang semakin merudum jatuh dari hari ke hari.
41. PR-1412-L02406  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Jawatankuasa tertinggi Kerajaan di bentuk untuk mengkaji Perjanjian Penubuhan Malaysia 1963, kalau ia, berapa orang dari Sarawak dijemput menjadi Ahli, dan adakah wakil-wakil Sarawak di lantik ke jawatankuasa teknikal jikalau dibentuk.
42. PR-1412-L02827  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Universiti Awam (UA) ke atas cadangan Yang Berhormat Menteri pada 19 Julai 2018 agar UA menjana dana sendiri melalui kaedah penjualan nombor pendaftaran kenderaan. Nyatakan bilangan UA yang telah dan bakal melaksanakannya serta hasil pendapatan yang diperoleh mengikut pecahan UA tersebut.
43. PR-1412-L02270  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan supaya Malaysia berada dalam kedudukan 10 destinasi pelancongan utama dunia menjelang 2019. Apakah usaha Kementerian Pelancongan yang telah dan sedang dirancang oleh pihak Kementerian di Kawasan Puncak Borneo yang telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada *Malaysia Tourism Belt*.

44. PR-1412-L01477  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan sekolah-sekolah berkelompok di Sarawak termasuk di Limbang.
45. PR-1412-L02751  
**Puan Kasthuraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan permohonan perkahwinan di Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah serta undang-undang adat (*customary laws*) yang melibatkan pemohon serta pasangan di bawah umur 18 tahun mengikut jantina dari 2008 sehingga 2018 dan adakah pihak polis akan menyiasat lelaki dewasa yang berkahwin dengan kanak-kanak mengikut Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.
46. PR-1412-L01735  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos yang ditampung rakyat untuk semua lawatan YAB Perdana Menteri ke luar negara semenjak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri.
47. PR-1412-L02295  
**Tuan Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kekerapan kebakaran yang berlaku di kawasan luar bandar, apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk menambah baik mutu perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi kawasan luar bandar Sarawak.
48. PR-1412-L01847  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan dengan terperinci termasuk kontraktor dilantik berhubung kerja-kerja pelebaran lembangan Sungai Pinang sepanjang 1.5 kilometer (km) yang dikatakan akan dimulakan pada April 2019. Adakah peruntukan tersebut merupakan sebahagian projek tebatan banjir bernilai RM1 bilion yang dijanjikan kepada Pulau Pinang sebelum ini.
49. PR-1412-L01613  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menambah baik ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya di Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Janji 17 Pakatan Harapan.

50. PR-1412-L02199  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam menjamin keselamatan pantai timur Sabah, berikutan kes penculikan berulang berlaku baru-baru ini.
51. PR-1412-L01462  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan insurans kesihatan kepada rakyat Malaysia. Kalau benar, apakah telah ada kajian yang telah dibuat dan apakah hasil kajian tersebut.
52. PR-1412-L02158  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi rakyat ekoran keputusan mahkamah Persekutuan menolak prinsip Derbyshire dalam *Common Law* dan memberi hak kepada Kerajaan untuk membuat saman fitnah terhadap individu.
53. PR-1412-L02055  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina satu kompleks sukan di Daerah Setiu.
54. PR-1412-L02843  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah projek yang diklasifikasikan sebagai berimpak tinggi di mana telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan terdahulu yang telah dibatalkan oleh pihak Kerajaan sekarang dan nyatakan sebab-sebab pembatalan. Nyatakan juga kos yang terlibat dan apa perancangan pihak Kerajaan menangani isu berkaitan pembatalan projek-projek tersebut.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**
  - \* Rang Undang-Undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2018.
  
2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
  - \* Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2018.
  
3. **Menteri Sumber Manusia**
  - \* Rang Undang-undang Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. **Menteri Luar Negeri** akan mencadangkan :-

"**BAHAWA** YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan ucapan pertama beliau selaku Perdana Menteri Malaysia ke-7 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ke-73 (UNGA), New York, Amerika Syarikat pada 28 September 2018 yang menggariskan matlamat dan rancangan dasar luar Malaysia Baharu.

**BAHAWA** ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB telah menggariskan antara lain kedudukan dan dasar luar negara yang berteraskan prinsip-prinsip seperti tidak berpihak kepada mana-mana kuasa, berkecuali dan mengamalkan falsafah "memakmurkan jiran" (*prosper-thy-neighbour*).

**BAHAWA** YAB Perdana Menteri juga memberi penekanan kepada hubungan Malaysia dengan kuasa-kuasa besar dunia, di samping isu-isu lain seperti situasi di Palestin, nasib orang-orang Islam di Rakhine dan perang dagangan antara negara-negara kuasa ekonomi.

**BAHAWA** YAB Perdana Menteri juga menyatakan kepentingan PBB sebagai satu platform utama bagi menyelesaikan isu-isu sejagat dan menyuarakan harapan agar PBB terus memainkan peranan utamanya dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

**BAHAWA** ucapan YAB Perdana Menteri telah pun menggariskan matlamat dan rancangan dasar luar Malaysia Baharu bagi menyokong kelestarian perkembangan ekonomi, politik dan sosial di dalam negara kita sendiri.

**DENGAN INI DEWAN** mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Bersetuju dengan hala tuju dasar luar Malaysia Baharu seperti yang telah dinyatakan dalam ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB yang ke-73 (UNGA) di New York pada 28 September 2018; dan
- (2) Memutuskan supaya ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB dijadikan sebagai kerangka asas dasar luar Malaysia Baharu."

2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM23,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

3. **Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan** akan mencadangkan :-

"**BAHAWA** Pada hari Selasa, 7 Ogos 2018, Yang Berhormat Kinabatangan, Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, telah mengeluarkan perkataan biadap dan tidak sopan semasa perbahasan Rang Undang-Undang Cukai Jualan 2018 dan menyebabkan beberapa ahli bangun membantah. Namun Yang Berhormat Kinabatangan telah menarik balik perkataan yang disebut setelah teguran dibuat.

**BAHAWA** Dewan yang mulia ini memandang serius perbuatan Yang Berhormat Kinabatangan yang mana Yang Berhormat Kinabatangan telah diberi amaran oleh Yang di-Pertua pada hari Khamis, 9 Ogos 2018 bahawa Yang Berhormat Kinabatangan akan diarahkan keluar Dewan jika mengulangi perbuatan tersebut. Penggunaan perkataan yang kurang sopan (biadap) oleh Yang Berhormat Kinabatangan telah menyinggung Ahli-ahli Parlimen terutamanya Ahli Parlimen Wanita kerana ianya mencemarkan prestij dan nama baik Dewan yang mulia ini.

**MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA** Yang Berhormat Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, Ahli Parlimen Kinabatangan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di atas perbuatan Yang Berhormat yang boleh dianggap sebagai menghina Majlis."

4. PR-1412-UL014

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengembalikan hak-hak dan kuasa autonomi semula Negeri Sabah dan Sarawak sejajar dengan prinsip, niat serta semangat yang termaktub dalam Laporan Suruhanjaya *Cobbold*, Laporan *Inter-Governmental Committee* khususnya dalam Perjanjian Malaysia 1963 (*Malaysia Agreement 1963*) terutama dalam perkara penyaluran royalti minyak sebanyak 20 peratus kepada Sabah dan Sarawak, hak untuk menggunakan sumber semula jadi yang berada dalam lebar wilayah 12 batu nautika bukan lagi dihadkan kepada 3 batu nautika, dengan menyegerakan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan tanpa melengahkan masa lagi dengan pembentukan Jawatankuasa Kabinet yang baharu.

Hal ini demikian kerana rundingan dan kajian terhadap perkara-perkara ini telahpun dimulakan oleh Kerajaan sebelum ini dengan pembentukan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Penurunan Kuasa antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta Jawatankuasa Teknikal di peringkat negeri untuk memperincikan hal-hal tersebut dan perkara lain yang berkaitan di mana laporan rekomendasi-rekomendasi yang tertentu juga telah disediakan."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

5. PR-1412-U(27)014

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan dan pendirian yang nyata oleh Kerajaan berkenaan bagaimana menghadapi tekanan peringkat antarabangsa berhubung isu ratifikasi enam konvensyen Pertubuhan Bangsa--Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak asasi manusia. Proses Semakan Berkala Sejagat (UPR) ke atas Malaysia akan berlaku sekali lagi pada bulan November 2018 dan adakah Kerajaan akan tunduk pada tekanan antarabangsa dengan meneruskan proses ratifikasi tersebut. Dengan meneruskan proses ratifikasi tersebut, adakah Kerajaan bersedia memberi penjelasan kepada rakyat dengan kemungkinan yang amat tinggi untuk mengubah pelbagai rang undang--undang berkaitan hak asasi terpaksa dilakukan seterusnya mengubah landskap geopolitik tempatan dan antarabangsa serta mengubah impak sosial masyarakat secara keseluruhan."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

6. PR-1412-U(27)015

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri menjelaskan adakah benar bahawa Kerajaan Malaysia ada membuat permintaan kredit sebanyak USD40 billion daripada Kerajaan China. Kerajaan perlu menjelaskan berapakah jumlah kos lawatan serta butiran--butiran termasuk terma--terma dan tujuan yang terlibat dalam perjanjian tersebut di dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

7. PR-1412-U(27)016

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian berhubung usaha memenuhi satu janji manifesto Pakatan Harapan iaitu menjadikan Malaysia sebagai ahli Konvensyen Pelarian 1951 Pertubuhan Bangsa--Bangsa Bersatu (PBB) yang membawa maksud akan menerima

pakai peraturan dan kehendak konvensyen itu. Penerimaan sebagai ahli konvensyen tersebut akan menimbulkan masalah kerana salah satu kehendak konvensyen adalah layanan sama rata perlu diberikan kepada pelarian dan ini termasuk dalam hal ehwal pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Pada ketika ini terdapat 145 negara ahli PBB yang menyertai konvensyen pelarian tersebut. Tetapi hakikatnya walaupun Malaysia tidak menyertainya, layanan yang diberikan adalah jauh lebih baik jika hendak dibandingkan dengan sebahagian daripada negara yang berada dalam konvensyen tersebut."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

8. PR-1412-U(27)017

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan pelan terperinci dan strategi khusus untuk mewujudkan sejuta peluang pekerjaan terutama kepada anak muda dalam negara kita dengan gaji sekurang-kurangnya seperti yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan."

**[ Menteri Tenaga Manusia ]**

9. PR-1412-U(27)018

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memulakan inisiatif memperkenalkan sistem persekolahan yang seragam untuk semua pelajar sebagai satu usaha mewujudkan perpaduan nasional. Dengan usaha kerajaan mewujudkan sistem persekolahan satu aliran akan membantu merealisasikan perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Perkara ini amat penting kerana persekolahan dilihat sebagai antara acuan yang penting untuk membina generasi muda yang memahami dan saling menghormati antara satu dengan yang lain tanpa mengira bangsa dan agama diperingkat awal sebelum perubahan dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi. Kebimbangan kehilangan identiti dan bahasa ibunda kaum--kaum lain terutamanya penggunaan bahasa Cina dan bahasa Tamil yang timbul apabila usaha ini dilaksanakan perlu diteliti oleh pihak Kerajaan untuk penyelesaian yang terbaik tanpa menjadikan ia alasan untuk tidak meneruskan sistem persekolahan satu aliran."

**[ Menteri Pendidikan ]**

10. PR-1412-U(27)019

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu-isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

11. PR-1412-U(27)020

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"YAB Perdana Menteri telah membayangkan bahawa Bajet 2019 merupakan "Bajet Korban" yang memerlukan pengorbanan seluruh rakyat, maka Kerajaan baharu pasti akan menaikkan cukai yang sedia ada atau memperkenalkan bentuk cukai baharu. Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar cukai warisan/pusaka (*Inheritance Tax*) yang telah dimansuhkan pada awal tahun 90an tidak harus diperkenalkan semula kerana ianya adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat termasuk golongan B40 dan M40. Di samping itu, Dewan ini juga menolak cukai keuntungan modal (*Capital Gain Tax*) kerana ianya akan menindas pelabur tempatan serta menghindari pelabur asing daripada melabur dalam pasaran saham tempatan. Ini akan menjejaskan pertumbuhan pasaran modal negara ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1412-U(27)021

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Memandangkan projek kereta nasional ketiga telah mendapat tentangan hebat daripada rakyat jelata dan ianya dikhuatiri akan membebankan rakyat (khususnya pembeli kereta) melalui pelaksanaan duti import ke atas kereta import dari luar negara. Maka Dewan ini menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020."

**[ Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri ]**

13. PR-1412-U(27)022

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa merangka Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak—dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate-UEC) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi kerajaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

14. PR-1412-U(27)023

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Pada 1 Oktober 2014, Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia (*Secretariat for the Advancement of Malaysian Entrepreneurs-SAME*) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Dalam tempoh 3 tahun 7 bulan, SAME telah berperanan sebagai agensi yang membangunkan perusahaan kecil dan sederhana dalam kalangan usahawan kaum Cina. Ianya juga berfungsi sebagai perantara Kerajaan dengan para pengusaha SME Cina. SAME telah berjaya mendampingi dan membantu 50,000 SME Cina melalui program "*outreach*", *O2O*, *Champions Club*, *Halal Forum*, Bengkel Keusahawanan, Sesi "*Pitching*" *VC*, *Angel Fund*, *Crowd Funding* dan lain-lain. Namun begitu, setelah Kerajaan baharu mengambil alih tampuk kepimpinan negara, SAME sudah berhenti operasi dan kesemua kakitangan telah ditempatkan ke jabatan-jabatan lain, malahan peralatan komputer di pejabat juga telah dipindahkan. Walaupun YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Ahli Parlimen Lumut) telah mengiktiraf sumbangan SAME di dalam sidang Parlimen yang lalu, SAME tetap ditamatkan pengoperasiannya. Menyedari hakikat SAME dapat memacu bidang SME dalam kalangan usahawan SME Cina seperti mana yang dilakukan oleh TERAJU dan SEED yang masing-masing membantu SME bumiputra dan India, maka Dewan ini mengesa kerajaan baharu meneruskan pengoperasian SAME demi membuktikan Kerajaan baharu bersifat inklusif dan tidak mendiskriminasikan kaum lain."

**[ Menteri Pembangunan Usahawan ]**

15. PR-1412-U(27)024

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Pada 12 September 2018, YB Menteri Tenaga Manusia telah mengumumkan bahawa Kabinet telah memutuskan kadar levi RM10,000 setahun ke atas setiap pekerja asing yang telah bekerja lebih daripada 10 tahun. Kabinet juga membenarkan lanjutan tempoh 3 tahun lagi bagi mereka yang telah bekerja di sini melebihi 10 tahun. Ini bermakna levi 3 tahun bagi pekerja asing seumpama ini ialah RM30,000. Ini pasti membebankan para pengusaha SME. Penetapan kadar levi RM10,000 setahun adalah terlalu tinggi, berbanding RM1,850 setahun yang dikenakan ke atas mereka yang bekerja kurang daripada 10 tahun. Dasar ini tidak munasabah dan ianya bakal meningkatkan kos pengoperasian SME. YB Menteri Kewangan pada 24 September 2018 telah mengumumkan bahawa hanya 20% daripada levi sebanyak RM10,000 itu ditanggung oleh majikan manakala bakinya 80% levi iaitu RM8000 akan ditanggung oleh pekerja asing. Namun pada realitinya tiada pekerja asing yang sanggup membayar RM666 sebulan sebagai levi melainkan majikan sanggup menaikkan gaji pekerja asing. Sepatutnya pekerja asing yang telah lama berkhidmat di Malaysia harus diutamakan kerana mereka taat setia kepada majikan asal, mempunyai kemahiran yang lebih baik dan produktiviti yang lebih tinggi

berbanding dengan pekerja baru. Akan tetapi, pada 25 September 2018, YB Menteri Kewangan sekali lagi melakukan "flip-flop" dengan mengumumkan bahawa levi pekerja asing sebanyak RM10,000 setahun bagi mereka yang bekerja melebihi 10 tahun bakal ditanggung sepenuhnya oleh majikan kerana cadangan sebelum ini dibantah kuat oleh pihak majikan dan kesatuan pekerja. Ini amat merunsingkan para majikan. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus membantu pengusaha SME mengurangkan kos mereka. Satu penyelesaian pragmatik yang dicadangkan ialah levi RM10,000 setahun dikurangkan kepada RM2,000-RM3,000 setahun bagi pekerja asing yang telah bekerja lebih dari 10 tahun di Malaysia."

**[ Menteri Tenaga Manusia ]**

16. PR-1412-U(27)025

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain. Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu. Kementerian juga digesa untuk mengumumkan rancangan penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi agar SJK(C) kekal relevan dalam arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

17. PR-1412-U(27)011

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Kerajaan mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun Negara telah merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi Negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

18. PR-1412-U(27)012

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Kerajaan memulihkan pilihanraya Kerajaan tempatan seluruh Negara supaya urustadbir Kerjaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

19. PR-1412-U(27)013

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood dan lima anggota SPR yang lain iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah dan Dato' Lee Chong Cheong dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

| <b><u>TAHUN<br/>2018</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>   | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|------------------------------|---|---------------------------------------|
| ST. 47                       | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia (ASM) Tahun 2017    | 15 Oktober 2018                       |
| ST. 66                       | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2017.    | 15 Oktober 2018                       |
| ST. 71                       | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2017 | 15 Oktober 2018                       |

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

| <b>Tarikh Ucapan</b>     | <b>Ahli Yang Berucap</b>                        | <b>Tajuk Ucapan</b>  | <b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b> |
|--------------------------|---|--|--------------------------------------|
| 1. 15.10.2018<br>(Isnin) | 1. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad<br>(Parit Sulong) | 1. Isu Pembinaan Hab Halal Mini Di Kawasan Parlimen Parit Sulong | 1. YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi      |
| 2. 15.10.2018<br>(Isnin) | 2. YB Dato' Seri Dr. Santhara<br>(Segamat)      | 2. Gangsterisme  | 2. YB Menteri Dalam Negeri           |

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**